

19 APR 2001

Mahathir-dialog

MALAYSIA SEDIA KERJASAMA DENGAN AFRIKA DALAM SEMUA BIDANG

KUALA LUMPUR, 19 April (Bernama) -- Malaysia akan bekerjasama dengan Afrika dalam pelbagai bidang khususnya perdagangan, pemindahan teknologi dan pendidikan, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Afrika merupakan satu benua yang mempunyai peluang dan sumber yang banyak, kata Perdana Menteri dalam buku cenderamata sempena Dialog Kepimpinan Muda dan Intelektual Afrika anjuran Persatuan Pelajar Afrika di Malaysia di PWTC di sini hari ini.

"Malaysia sedia berkongsi pengalaman dengan negara-negara lain, dan dialog seperti ini berguna untuk menjalin dan mengukuhkan kerjasama serta hubungan," katanya.

Dr Mahathir juga merujuk mengenai Dialog Antarabangsa Selatan Afrika di Mozambique baru-baru ini.

"Saya gembira dengan komitmen pemimpin-pemimpin Afrika untuk bekerjasama dengan Malaysia untuk meneroka peluang yang terdapat dalam pelbagai bidang termasuk teknologi maklumat," katanya.

Dr Mahathir berkata Malaysia sentiasa menyediakan bantuan pendidikan kepada pelajar antarabangsa menerusi Program Kerjasama Teknikal Malaysia.

"Saya berharap lebih banyak pelajar Afrika akan melanjutkan pelajaran tinggi mereka di Malaysia, dan ini merupakan satu jalan yang membolehkan golongan muda di Malaysia dapat berkongsi pengalaman dengan rakan mereka dari Afrika," katanya.

Dr Mahathir berharap persatuan itu akan mengukuhkan perpaduan di kalangan pelajar Afrika di Malaysia untuk membolehkan mereka mendapat manfaat semasa berada di negara ini.

Dialog itu memberi tumpuan kepada peranan generasi muda di negara-negara membangun. Ia dihadiri 1,000 orang termasuk diplomat, pelajar dan pemimpin-pemimpin muda Barisan Nasional.

-- BERNAMA

RV AZZ MAI